

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 04 APRIL 2018

MUKA SURAT: 23

Kawasan komersial lenyap nama asal ditegur

Kuala Lumpur: Kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) diingatkan supaya tidak terlalu mengagung-agungkan Barat sehingga perlu menggunakan nama Inggeris bagi kawasan pembangunan baru yang dibuka.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz berkata, beliau kecewa kerana kuasa meluluskan nama kawasan komersial oleh PBT menyetepikan nama asal atau keaslian kawasan berkenaan.

Menurutnya, senario hari ini memperlihatkan terlalu banyak nama kawasan komersial dan penempatan baharu menggunakan

nama di dalam bahasa Inggeris yang tidak sepatutnya berlaku.

"Sebagai contoh Bangsar South, itu sebenarnya Kampung Kerinchi, jadi apa yang tidak komersialnya tentang nama ini sehingga ia tidak boleh menjual hartanah di situ? Kalau kita nak tahu, harga hartanah ini ditentukan oleh lokasi.

"Abdullah Hukum, (ditukar) kepada KL Eco City. Kita beri alasan tukar nama kerana nak nama komersial supaya orang

beli tapi saya tidak fikir itu betul.

"Kalau tempat itu strategik, kita bina pembangunan dan guna nama apapun termasuk nama asal akan laku," katanya.

